



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

9 SEPTEMBER 2025 (SELASA)

MSU, Universiti Swasta Pertama di Malaysia Tawar Program Perubatan Veterinar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Pendidikan	Online	8 Sept



Pelancaran School of Veterinary Medicine (SOV) berlangsung di Performing Arts Theatre, kampus induk MSU, baru-baru ini. - Foto ihsan MSU

SHAH ALAM: Management and Science University (MSU) terus mencipta sejarah apabila melancarkan School of Veterinary Medicine (SOV), sekali gus menjadikannya universiti swasta pertama di negara ini menawarkan program Doctor of Veterinary Medicine (DVM).

Pelancaran itu mengukuhkan lagi kedudukan MSU dalam landskap pendidikan tinggi negara, khususnya dalam bidang sains kesihatan dan perubatan.

memenuhi permintaan tenaga profesional veterinar yang semakin meningkat, dengan peranan melangkaui amalan klinikal semata-mata termasuk aspek keselamatan makanan dan kesejahteraan komuniti.

Majlis pelancaran yang berlangsung di Performing Arts Theatre, kampus induk MSU, disempurnakan oleh Presiden merangkap Pengasas MSU, Profesor Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid.

Inisiatif ini diyakini mampu

Yang turut hadir, Naib

Canselor MSU, Prof Puan Sri Datuk Dr Junainah Abd Hamid, barisan pengurusan kanan universiti serta tokoh akademik dan industri veterinar.

Majlis itu turut menyaksikan pelantikan Prof Datuk Dr Bashir Ahmad Fateh Mohamed sebagai dekan pertama SOV.

Pada masa sama, pertukaran memorandum persefahaman (MoU) diadakan antara MSU dengan beberapa rakan industri termasuk Vet Partners (M) Sdn Bhd, Teguh Setia Jaya dan AGK Dairy Fresh Sdn Bhd.

Dalam ucapannya, Mohd Shukri menegaskan penubuhan SOV mencerminkan komitmen MSU memajukan industri kesihatan haiwan, penyelidikan, pendidikan serta piawaian profesional bertaraf global.

"Penubuhan SOV bukan sahaja menyentuh aspek kesihatan haiwan, malah memberi impak kepada keselamatan makanan, sistem bekalan negara serta kesejahteraan masyarakat.

"Kami percaya SOV akan melengkapi dan menyumbang kepada perkembangan landskap pendidikan veterinar negara. Kami merakamkan

penghargaan kepada semua pihak yang menyokong penubuhan SOV ini," katanya.

Pelancaran turut diserikan dengan forum bertajuk "Advancing Animal Industry through Excellence in Veterinary Education", yang menampilkan tokoh akademik, industri dan profesional veterinar.

Antara yang berkongsi pandangan termasuk, Pemangku Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Dr Mohd Noor Hisham Mohd Harun; Datuk Jeffrey Ng Choon Ngee dari FLFAM; serta pakar ternakan dan haiwan kecil tempatan.

Dengan tertubuhnya SOV, MSU kini melengkapkan rangkaian fakulti sedia ada dalam Kluster Sains Perubatan dan Kesihatan termasuk International Medical School (IMS), School of Pharmacy (SPH), School of Dentistry (SOD) dan Faculty of Health Life & Sciences (FHLS).-[BHONLINE](#)

Penyeludupan Haiwan Ternakan Jejas Pasaran Dan Ancam Kesihatan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	8 Sept



GAMBAR hiasan. FOTO Arkib NSTP

Kuala Lumpur: Penyeludupan haiwan ternakan secara haram bukan saja mengganggu pasaran tempatan, malah membuka ruang kepada penularan penyakit berbahaya.

Penasihat Persekutuan Persatuan-Persatuan Penternak Malaysia (FLFAM) Datuk Jeffrey Ng berkata, ternakan yang dibawa masuk secara haram tanpa pemeriksaan kesihatan boleh menyebabkan risiko penyakit berbahaya serta mengganggu pasaran tempatan.

Katanya, jika ternakan dijangkiti penyakit, ia berisiko menyebabkan banyak kematian ternakan tempatan sekiranya dijangkiti sekali gus menjejaskan bekalan daging dalam negara terutama menjelang musim perayaan.

"Kalau haiwan masuk secara haram, risiko sangat tinggi kerana kita tidak pasti tahap kesihatannya.

"Biasanya ternakan tempatan kita kawal dengan lebih ketat kerana Jabatan Perkhidmatan Veterinar

(JPV) ada pemantauan dan data berkaitan.

"Sekali-sekala bila ada yang masuk secara haram, kita tidak tahu sama ada ternakan itu sihat atau sebaliknya dan itu yang membimbangkan," katanya ketika dihubungi Harian Metro, hari ini.

Beliau berkata, isu penyeludupan bukan sahaja membabitkan lembu tetapi juga haiwan ternakan lain seperti kambing, ayam serta itik yang didapati dibawa masuk secara tidak sah khususnya dari Thailand.

Jefferey berkata, haiwan ternakan import yang sah dan sihat amat penting bagi menjamin keselamatan makanan negara serta melindungi penternakan tempatan.

"Kita galakkan import yang sah kerana itu memastikan makanan lebih selamat, sebaliknya kalau tidak sah, risiko penyakit dan kerugian lebih tinggi.

"Kalau banyak ternakan mati akibat penyakit, ia bukan saja menjejaskan penternak, malah harga pasaran akan melonjak," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kawalan sempadan negara yang sukar dilaksanakan sepenuhnya

kemungkinan disebabkan terdapat kawasan hanya dipisahkan sungai sekali gus memberi ruang kepada sindiket melakukan kegiatan mereka.

Jeffery berkata, kerjasama orang ramai amat diperlukan dalam menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa sekiranya mengesan cubaan membawa masuk ternakan secara haram.

"Kalau nampak aktiviti sebegitu, tolong laporkan kepada penguat kuasa supaya tindakan boleh diambil segera," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, hanya pengimportan rasmi yang dikawal selia agensi berkaitan mampu menjamin keselamatan makanan serta kesihatan rakyat.

Semalam media melaporkan penternak tempatan di negeri berhampiran sempadan Malaysia-Thailand termasuk Kelantan akan terkesan sekiranya penyeludupan haiwan ruminan terus berlaku.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, kemasukan haiwan itu secara haram akan menggugat harga pasaran daging

tempatan malah
menimbulkan risiko
penularan penyakit daripada
haiwan yang tidak disaring
oleh Jabatan Veterinar.

Katanya, mengikut rekod,
sebanyak 70,000 lembu
diseludup masuk sepanjang
tahun lalu.-[MYMETRO](#)

Kuching Tuan Rumah Kongres Veterinar Unggas Dunia 2025

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Suara Sarawak	Artikel	Online	8 Sept



KUCHING: Bandar raya Kuching mencatat sejarah apabila diumumkan sebagai tuan rumah pertama di Malaysia bagi Kongres Persatuan Veterinar Unggas Dunia Ke-23 (WVPAC 2025).

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom berkata, penganjuran kongres ini amat penting sebagai platform perkongsian idea serta hala tuju pembangunan industri unggas negara.

“Acara ini bakal memberi

kesan positif bukan sahaja dari segi ekonomi, malah kepada masa depan sistem makanan negara,” katanya.

“WVPAC 2025 dijangka menjana lebih RM9.8 juta impak ekonomi untuk Sarawak. Namun, legasi sebenar kongres ini ialah pertukaran idea, pemetaraan kerjasama dan usaha membina sistem makanan yang mampan untuk generasi akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media WVPAC 2025 di Pusat Konvensyen

Borneo (BCK) di sini, hari ini.

Presiden Persatuan Veterinar Unggas Dunia (WVPA) Malaysia merangkap Pengerusi Penganjur WVPAC 2025, Profesor Dr Abdul Rahman Omar berkata, kongres bertemakan 'Unggas Sihat Mampan untuk Dunia

memberi impak positif kepada industri unggas melalui pertukaran ilmu dan pengalaman. Ini membuktikan Sarawak mampu menjadi hab saintifik global, khususnya dalam keselamatan makanan dan sains veterinar," ujarnya.

Dalam pada itu, Timbalan



Dr Adrian menunjukkan risalah Rabies di Borneo 2025 yang akan diadakan pada 30 September hingga 1 Oktober. FOTO: RAMIDI SUBARI

yang Lebih Sihat' itu dijangka menghimpunkan lebih 1,500 peserta dari hampir 50 negara.

"Antara tarikan utama ialah kehadiran 20 penceramah antarabangsa ternama serta pameran yang mempamerkan pelbagai inovasi, produk dan perkhidmatan terkini berkaitan kesihatan dan pengeluaran unggas.

"WVPA Malaysia berhasrat

Ketua Pegawai Eksekutif Business Events Sarawak (BESarawak), Jason Tan berkata, kongres ini bukan sahaja menjadi medan pertukaran saintifik, malah memberi impak ekonomi dan legasi jangka panjang.

"Dengan menjadi tuan rumah acara berprestij ini, Sarawak bukan sahaja meraih manfaat ekonomi, tetapi turut meningkatkan reputasi sebagai destinasi pilihan bagi konvensyen dan pameran

antarabangsa,” katanya.

Kongres WVPAC 2025 dianjurkan oleh WVPA Malaysia dengan sokongan Kementerian Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MFICORD), Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sarawak, Universiti Putra



Dr Rundi (tengah), bersama dari kiri, Profesor Madya Dr Noorasmah Saupi, Dr Adrian, Profesor Dr Abdul Rahman Omar dan Jason Tan, bergambar selepas sidang media. FOTO: RAMIDI SUBARI

Malaysia, BESarawak dan Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (MyCEB).

Dengan penganjuran WVPAC 2025, Kuching bukan sahaja melakar sejarah di Malaysia, malah meletakkan Sarawak sebagai destinasi penting dalam usaha global memastikan masa depan industri unggas yang lebih sihat dan mampan.-
[SUARASARAWAK](#)

World's Poultry Vets Gather In Kuching

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	5 Sept



The Hon Dato Sri Dr Stephen Rundi Anak Utom (centre) with conference and agency representatives at the WVPAC 2025 press conference.

KUCHING, 9 September 2025: For the first time in its history, the prestigious 23rd World Veterinary Poultry Association Congress (WVPAC 2025) will be hosted in Malaysia, with Kuching officially named as the nation's inaugural host city.

The global congress, themed "Sustainable Healthy Poultry for a Healthier World", will take place from 6 to 10 October 2025 at the Borneo Convention Centre Kuching (BCKK).

As the poultry industry

grapples with critical challenges — including disease control, food safety, sustainability, and animal welfare — WVPAC 2025 will serve as a first-class platform to share cutting-edge research and solutions, and best practices to ensure the resilience of global poultry production.

The congress is set to attract over 1,500 delegates from more than 50 countries, including 19 internationally renowned speakers, alongside an exhibition showcasing the latest

innovations, products, and services in poultry health and production.

“Sarawak is determined to become more self-reliant and competitive in food supply, and build a resilient food system for the people, while promoting sustainable poultry farming practices,” stated The Hon. Dato Sri Dr Stephen Rundi Anak Utom, Minister for Food Industry, Commodity and Regional Development, Sarawak, at a press conference held on Monday. “WVPAC 2025 is expected to generate over RM9.8 million in total economic impact for Sarawak, but its true legacy will be the exchange of ideas, forging of partnerships, and advancement of a more resilient and sustainable food system for future generations.”

“WVPAC 2025 is an opportunity to build local capacity in veterinary poultry medicine and contribute towards sustainable food systems and improved poultry health management”, expressed Datu Dr Adrian Susin Ambud, Director General, Department of Veterinary Services, Sarawak. “Animal health plays a key role in a robust system, so we gladly extend our support to WVPA Malaysia’s mission in making a positive contribution.”

“Food security and sustainable agriculture are not only government and community priorities, but also align with BESarawak’s mission to drive legacies from business events that benefit society and future generations,” said Amelia Roziman, CEO of BESarawak. “We welcome more associations to come forward and bid for more high-impact, high-value event opportunities.”

“The World Veterinary Poultry Association Malaysia aims to make a positive impact on the poultry industry through the exchange of knowledge and experience in business events,” said Prof Dr Abdul Rahman Omar, Organising Chairman of the WVPAC 2025 and President of WVPA Malaysia. “It is truly an achievement for us and our partners to win the bid and position Sarawak as a global scientific hub, particularly for food security and veterinary science.”

The World Veterinary Poultry Association Congress 2025 is organised by the World Veterinary Poultry Association (WVPA) Malaysia and supported by: the Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development Sarawak (MFICORD), Department of Veterinary Services Sarawak, Universiti Putra Malaysia,

Business Events Sarawak (BESarawak) and Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB).

For more information on WVPAC 2025, the world's leading congress on poultry health and production, and to register, visit Registration – 23rd World Veterinary Poultry Association Congress.-[TTRWEEKLY](#)

Kuching To Hold Inaugural Global Veterinary Poultry Congress Next Month

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Borneo Post Online	Sarawak	Online	4 Sept



(From second left) Dr Adrian, Dr Rundi, Dr Abdul Rahman and Tan gather for a group photo during the press conference.

KUCHING (Sept 8): Malaysia will host the 23rd World Veterinary Poultry Association Congress (WVPAC2025) for the first time, with Kuching named as the inaugural host city.

Themed “Sustainable Healthy Poultry for a Healthier World”, the global congress will take place from Oct 6 to 10, 2025, at the Borneo Convention Centre Kuching (BCKK).

Food Industry, Commodity and Regional Development Minister Dato Sri Dr Stephen

Rundi Utom said the event is expected to draw more than 1,500 delegates from nearly 50 countries, including 20 internationally renowned speakers.

“The congress will also feature an exhibition showcasing the latest innovations in poultry health and production,” he told a press conference here today.

Dr Rundi also stressed that food safety must come before production targets, adding that it is the responsibility of his ministry

to ensure there will always be food on the table.

He voiced concern over Sarawak's widening food import-export deficit, which increased from RM4 billion in 2022 to RM5.6 billion in 2023, and further to RM7.2 billion in 2024.

"The deficit is largely driven by the high cost of animal feed.

"To address this, we are looking into alternatives such as biomass and black soldier fly protein to create animal feed.

"Through Sarawak Land Consolidation and Rehabilitation Authority (Salcra), which I chair, we have been entrusted to produce about 100,000 tonnes of feed for ruminants and poultry. This is important to help reduce the deficit," he explained.

He added that hosting the congress will also generate business opportunities and wider economic benefits for Sarawak.

Meanwhile, WVPAC 2025 organising chairman and World Veterinary Poultry Association (WVPA) Malaysia president Prof Dr Abdul Rahman Omar said the event aims to positively impact the poultry industry by

facilitating knowledge and experience exchange.

"It is truly an achievement for us and our partners to win the bid and position Sarawak as a global scientific hub, particularly for food security and veterinary science," he said.

WVPAC 2025 is organised by WVPA Malaysia and supported by the Ministry of Food Industry, Commodity and Regional Development Sarawak (MFICORD), Department of Veterinary Services Sarawak, Universiti Putra Malaysia, Business Events Sarawak (BESarawak) and Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB).

Among those present was Director-General of the Department of Veterinary Services Sarawak Datu Dr Adrian Susin Ambud and Business Events Sarawak (BESarawak) Deputy Chief Executive Officer Jason Tan.-

[THEBORNEOPOST](#)

Dicekup Sabung Ayam, Wang Taruhan hingga RM2,000

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	13	9 Sept

Dicekup sabung ayam, wang taruhan hingga RM2,000



POLIS melakukan serbuan di gelanggang perjudian laga ayam di Kampung Melayu Pandan, Johor Bahru dan Felda Bukit Aping Barat, Kota Tinggi, kelmarin.

JOHOR BAHRU – Seramai 43 individu yang sedang leka berjudi laga ayam dicekup polis dalam dua serbuan berasingan di Kampung Melayu Pandan, di sini, dan Felda Bukit Aping Barat, Kota Tinggi, kelmarin.

Dalam serbuan antara 12.35 tengah malam hingga 4 petang itu, polis turut merampas 34 ekor ayam yang digunakan dalam kegiatan perjudian tersebut.

Ketua Polis Johor, Datuk Ab Rahman Arsad berkata, mereka yang ditahan terdiri daripada 28 warga tempatan dan 15 warga asing berusia 21 hingga 71 tahun.

Katanya, operasi dilaksanakan hasil maklumat awam dan risikan Bahagian Pencegahan Kongsi Gelap, Perjudian dan Maksiat

(D7) bersama Bahagian Siasatan Khas (D9) Kontinjen Johor serta pasukan jenayah daerah Seri Alam dan Kota Tinggi.

"Modus operandi licik kumpulan terbabit adalah dengan memilih kawasan pedalaman sebagai lokasi gelanggang bagi mengelakkan dikesan pihak berkuasa.

"Hanya pelanggan tertentu yang dikenali akan dijemput masuk. Pertarungan ayam dijalankan dalam gelanggang bulatan dengan setiap sesi berlangsung kira-kira 20 minit dan lima hingga 10 pertarungan dijalankan.

"Nilai pertarungan bermula daripada RM550 hingga RM2,000, manakala penganjur mengam- bil komisen sebanyak 10 peratus

daripada jumlah keseluruhan wang pertarungan," katanya.

Menurut Ab Rahman, antara rampasan dibuat ialah 22 ekor ayam hidup, 12 ekor ayam mati, sangkar besi, peralatan sabung ayam, pisau taji, penimbang berat serta wang tunai berjumlah RM22,489.

Katanya, dalam operasi itu, pihaknya turut menahan dua penganjur perjudian laga ayam itu masing-masing seorang warga tempatan dan seorang warga asing.

Tambahnya, kes disiasat mengikut Seksyen 7(2) Akta Rumah Judi Terbuka 1953, Seksyen 32(1)(a) dan Seksyen 32(2)(a) Akta Kebajikan Hawan 2015 serta Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.

Kaedah TRRD Urus Anjing Terbiar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo	Negara	7	9 Sept

Kaedah TRRD urus anjing terbiar

KUALA LUMPUR – Pihak berkuasa tempatan (PBT) menggunakan kaedah tangkapan, tuntutan semula, adopsi atau serahan kepada badan bukan kerajaan (NGO) dan pelupusan (TRRD) bagi pengurusan anjing terbiar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata, kaedah itu pada dasarnya melibatkan penangkapan haiwan terbiar, tempoh tuntutan semula haiwan oleh pemilik asal dan cadangan adopsi oleh pihak yang bertanggungjawab.

Katanya, proses pelupusan secara beretika menjadi kaedah terakhir jika haiwan itu didapati agresif, berpenyakit, terlalu uzur atau tidak sesuai diadopsi.

“Bagi anjing yang tidak dituntut atau diadopsi, PBT boleh menyerahkan anjing itu kepada NGO tertentu mengikut kapasiti keupayaan dan kewangan pusat perlindungan haiwan NGO tersebut,” katanya.

Beliau berkata demikian menerusi maklumat tambahan secara bertulis bagi menjawab soalan Senator Datuk Mustafa Musa mengenai selenggaraan kawasan taman awam dan kemudahan re-



KAEDAH TRRD akan dilaksanakan bagi mengekang pertumbuhan populasi anjing terbiar.

kreasi supaya bebas vandalisme dan binatang liar pada sidang Dewan Negara di sini semalam.

Terdahulu, Kor Ming berkata, pihaknya menyediakan Tatacara Operasi Piawai Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di kawasan PBT Tahun 2014 (Pindaan Tahun 2022).

Penggunaannya menepati keperluan semasa dan bersekali dengan penguatkuasaan Undang-Undang Kecil Pelesenan

Anjing oleh PBT mengikut kawasan pentadbiran.

Usaha berterusan menerusi TRRD akan dilaksanakan untuk mengekang pertumbuhan populasi anjing terbiar bagi mengatasi kegusaran masyarakat terhadap kes gigitan anjing, kacau ganggu dan keselamatan komuniti.

Dalam pada itu, katanya, PBT menerima sebanyak 37,538 aduan kacau ganggu anjing terbiar sepanjang tahun lalu.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR